

Presidensi Utama Mengumumkan Sistem Baharu untuk Senarai Doa Bait Suci

Sistem baharu ini membenarkan para ahli Gereja untuk menghantar nama-nama individu yang memerlukan terus ke bait suci, di mana nama-nama tersebut boleh dimasukkan ke dalam doa-doa beriman

Ini adalah amalan biasa di kalangan orang-orang beriman untuk berdoa bagi orang-orang yang dikasihi ketika mereka sakit, menghadapi penderitaan atau cabaran lain. Dalam tradisi kebanyakan agama, ini termasuk berdoa secara bersama untuk mereka yang ada keperluan khusus. Tulisan suci mencatatkan banyak contoh Yesus Kristus berdoa dalam kumpulan dan menyeru mereka yang hadir di situ untuk turut berdoa bersama.

Di bait suci Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir, amalan ini diamalkan. Para ahli dijemput untuk meletakkan nama-nama mereka yang memerlukan ke “senarai doa” di bait suci. Para ahli kemudian menyatukan iman mereka dan meminta Bapa Syurgawi untuk memberkati penama-penama dalam senarai doa ini.

Presidensi Utama telah mengumumkan bahawa sistem dalam talian telah dicipta untuk membolehkan para ahli untuk menghantar nama-nama keluarga atau rakan-rakan ke bait suci, dan nama-nama ini akan diletakkan dalam senarai doa. Permintaan untuk menghantar nama ke senarai doa boleh dilakukan dengan melayari mana-mana [halaman info bait suci](#) dan menekan pautan senarai doa tersebut. Permintaan juga boleh dibuat melalui bahagian “Temples” di aplikasi mudah alih Member Tools (bermula 25 Ogos 2020 untuk Android dan 1 September 2020 untuk iOS). Selepas nama dimasukkan, ia akan dihantar ke bait suci yang dipilih (atau bait suci terdekat jika bait suci yang dipilih tutup).